

i-Am Shield

PENDAHULUAN

***i*-Am Shield** adalah pelan Takaful keluarga biasa individu yang bertujuan untuk menyediakan perlindungan takaful seperti yang dinyatakan di dalam Sijil ini.


Takaful adalah skim bantuan bersama yang berasaskan semangat persaudaraan dan perpaduan di mana anda menyumbang ke dalam dana pelan ini atas dasar *tabarru'* (derma), yang akan digunakan untuk membantu peserta-peserta pelan ini ketika diperlukan.

Pelan ini menyertai dana yang mematuhi Syariah, di mana ia diselenggara secara berasingan oleh kami sebagai sebahagian daripada perniagaan Takaful Keluarga.

Sebagai Pemegang Sijil yang dinamakan di dalam Jadual Pertama, anda berhak ke atas Manfaat-manfaat Takaful yang dinyatakan di dalam Sijil ini tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat. Sijil ini telah dikeluarkan berdasarkan dan bergantung kepada borang cadangan bersama dengan semua pernyataan, maklumat perubatan dan dokumen/maklumat lain-lain yang anda telah berikan.

Jika ada sebarang Manfaat-manfaat Takaful yang perlu dibayar di bawah Sijil ini, kami akan membayar manfaat-manfaat tersebut sama ada kepada anda atau penuntut yang wajar, mengikut mana-mana yang berkenaan. Kami tidak akan terlibat dengan perihal pengurusan Manfaat-manfaat Takaful atau untuk memastikan perkara yang sama terhadap manfaat Peserta. Kami tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang penyalahgunaan Manfaat-manfaat Takaful tersebut.

Ditandatangani untuk dan bagi pihak AmMetLife Takaful Berhad (No. Syarikat 201101002936),



Nazrulhisham Abdul Hamid
Ketua Pegawai Eksekutif

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi AmMetLife Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

PENYATA MAKLUMAT SIJIL

Anda perlu membaca maklumat berikut berserta terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Sijil ini.

1. Bukti Umur

Jika Umur Peserta tidak disahkan di dalam Sijil ini, kami memerlukan bukti Umur beliau sebelum kami membayar tuntutan.

2. Pertukaran Alamat

Anda mesti memaklumkan kami jika terdapat sebarang pertukaran alamat surat-menyurat supaya kami dapat memaklumkan anda tentang maklumat penting.

3. Pembayaran Sumbangan

Anda boleh membayar Sumbangan anda melalui perbankan online atau JomPay. Sebarang Sumbangan yang anda bayar kepada kami dan ditunjukkan di dalam penyata kad kredit atau penyata bank akan menjadi pengesahan kami bagi pembayaran tersebut.

Adalah penting untuk anda menyimpan penyata kad kredit atau penyata bank anda sebagai bukti pembayaran Sumbangan bagi rujukan pada masa hadapan.

4. Tempoh Rujukan Percuma

Jika anda memutuskan untuk tidak meneruskan Sijil ini, anda boleh memulangkan Sijil dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penerimaan Sijil. Kami akan memulangkan Sumbangan yang telah dibayar kepada Anda.

5. Serahan

Anda boleh menyerahkan Sijil ini pada bila-bila masa selepas Tempoh Rujukan Percuma dengan memberi notis secara bertulis kepada kami. Kami akan membayar balik sebahagian sumbangan dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan dalam Tahun Sijil semasa. **la mungkin tidak menguntungkan untuk menyerahkan atau menggantikan Sijil sedia ada** dengan yang baru.

Sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami sebelum membuat keputusan yang muktamad.

6. Penyerahan Tuntutan

Jika anda perlu membuat tuntutan, anda mesti menghantar pemberitahuan bertulis kepada kami ke alamat berikut. Bagi tuntutan perubatan dan kemalangan, ianya harus dihantar dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kejadian manakala untuk tuntutan lain, ia adalah dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh kejadian.

AmMetLife Takaful Berhad (No. Syarikat 201101002936)

Tingkat 23, Menara 1 Sentrum,
No. 201, Jalan Tun Sambanthan,
50470 Kuala Lumpur.

Setelah kami menerima pemberitahuan tersebut, kami akan memaklumkan anda berkenaan dokumen-dokumen yang sepatutnya diisi dan diserahkan kepada kami untuk memproses tuntutan anda. Jika anda memerlukan bantuan, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di nombor yang tertera di bawah.

7. **Bagaimana untuk Menghubungi Kami**

Sekiranya anda ingin mendapatkan maklumat, membuat pertanyaan, memberikan maklum balas atau mempunyai apa-apa pertikaian mengenai Sijil anda atau anda tidak berpuas hati dengan keputusan kami berkaitan tuntutan anda dan ingin membuat aduan, anda boleh hubungi terus wakil yang dilantik atau kami di butiran berikut:

Pusat Khidmat Pelanggan

Tingkat 6, Menara 1 Sentrum,
No. 201, Jalan Tun Sambanthan,
50470 Kuala Lumpur

No. Tel. : 1 300 22 9777
E-mel : customercare@ammetlifetakaful.com
Laman Web : ammetlifetakaful.com

8. **Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan**

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) telah ditubuhkan untuk menawarkan perlindungan kepada pelanggan dan membantu anda untuk menyelesaikan sebarang pertikaian mengenai tuntutan di antara anda dan kami. Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan yang kami buat ke atas tuntutan anda, anda boleh menulis ke alamat berikut:

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (No Syarikat: 200401025885)

(Dahulu dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)

Talian Umum: +603 2272 2811

Alamat : Level 14, Main Block,
Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur.
Laman Web : www.fmos.org.my

9. **BNM Laman Informasi Nasihat Dan Khidmat (BNMLINK)**

Jika anda mempunyai lain-lain pertanyaan atau aduan mengenai pelan takaful dan perkhidmatan-perkhidmatan kami, anda boleh merujuk aduan anda ke Bank Negara Malaysia melalui BNMLINK.

BNMLINK menyediakan perkhidmatan pelanggan secara bersemuka untuk pertanyaan umum dan aduan-aduan awam dan terletak di pejabat-pejabat daerah Bank Negara Malaysia dan ibu pejabatnya terletak di:

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK)

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

No. Tel. : 1-300-88-5465
Laman Web : bnm.gov.my/BNMLINK

BNMLINK beroperasi pada: Isnin – Jumaat, 9.00 pagi – 5.00 petang.

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN SIJIL TAKAFUL

1. DEFINISI-DEFINISI

Dalam Sijil ini, kecuali konteks membawa maksud berlainan, perkataan-perkataan / terma-terma di bawah membawa maksud yang berikut:

Kemalangan	Satu kejadian tertentu yang berlaku secara mengejut, tidak disengajakan, di luar jangkaan dan luarbiasa yang disebabkan oleh sumber-sumber luaran dan boleh dilihat yang berlaku pada tarikh, waktu dan tempat yang dikenalpasti yang mana akan, secara langsung dan bebas daripada sebab-sebab lain, menjadi punca kecederaan badan.
Aktiviti-aktiviti Kehidupan Harian (AKH)	<p>la bermaksud aktiviti-aktiviti di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Mandi/Membersihkan diri: Keupayaan untuk membersihkan diri di tempat mandi tab atau mandi pancuran (termasuk memasuki dan keluar dari tempat mandi tab atau mandi pancuran) atau membersihkan diri dengan cara lain; b) Perihal Mengawal: Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara sendirinya seperti menjaga kebersihan diri; c) Pemakaian: Memakai dan menanggalkan kesemua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan; d) Makan: Kesemua tugas memasukkan makanan ke dalam badan apabila makanan telah disediakan; e) Pergerakan: Keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke bilik yang lain tanpa memerlukan bantuan fizikal; dan f) Pemindahan: Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.
Umur	Umur pada hari lahir akan datang.
Kumpulan AmBank	Merujuk kepada AMMB Holdings Berhad dan semua anak syarikat dan syarikat bersekutu secara langsung atau tidak langsung, termasuk tetapi tidak terhad kepada: AmBank (M) Berhad, AmBank Islamic Berhad, AmInvestment Bank Berhad, AmInvestment Group Berhad, AmInvestment Services Berhad, AmIslamic Funds Management Sdn Bhd, AmFutures Sdn Bhd, AmCard Services Berhad, AmGeneral Insurance Berhad dan AmMetLife Insurance Berhad.
Pejabat yang Berdaftar	Ibu Pejabat AmMetLife Takaful atau mana-mana cawangan yang didaftarkan.
Bank Negara Malaysia (BNM)	BNM merupakan badan kerajaan di Malaysia yang bertanggungjawab dalam pengawalseliaan utama bagi Pengendali Takaful.
Sijil	Termasuk Pendahuluan, Penyataan Maklumat Sijil, Peruntukan-peruntukan Sijil Takaful, Jadual, Lampiran, Endorsemen dan notis-notis pengesahan yang kami keluarkan bersama borang cadangan, pengakuan, maklumat perubahan dan dokumen/maklumat lain-lain, jika ada, yang mana anda dan/atau Peserta telah berikan.
Ulangtahun Sijil	Ulangtahun Tarikh Kuatkuasa seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama.
Pemegang Sijil atau anda	Pemegang Sijil ini, iaitu orang yang dinamakan di dalam Jadual Pertama, dan termasuk pemegang serah hak, jika hak Sijil telah diserahkan.
Tarikh Kuatkuasa	Tarikh Kuatkuasa seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama.

Cukai Kepenggunaan	Sebarang cukai perlu dibayar (pada masa ini atau masa akan datang) keatas jualan atau pembekal barangan, perkhidmatan atau lain-lain jenis, termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai barangan dan perkhidmatan, cukai tambah nilai, cukai jualan, cukai perkhidmatan atau apa-apa cukai serupa yang dikenakan.
Sumbangan	Sumbangan takaful yang anda perlu bayar untuk Manfaat-manfaat Takaful asas dan tambahan (jika ada) di bawah Sijil ini, seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama.
Tarikh Perlindungan	Tarikh Sijil ini dikeluarkan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama dan ia adalah tarikh di mana perlindungan takaful yang diberikan di bawah Sijil ini bermula.
Penyakit Kritikal	Mana-mana satu (1) daripada penyakit-penyakit seperti yang ditakrifkan secara berasingan di bawah Definisi-definisi Penyakit Kritikal.
Diagnosis	Sesuatu diagnosis sahih yang dibuat oleh Doktor berdasarkan bukti khusus yang telah kami nyatakan untuk penyakit khusus atau berdasarkan bukti radiologi, klinikal, histologi atau makmal yang kami terima. Sekiranya terdapat sebarang keraguan mengenai Diagnosis tersebut, kami berhak untuk meminta satu (1) pemeriksaan dijalankan sama ada terhadap anda atau Peserta (yang mana berkenaan) atau bukti yang digunakan dalam mendapatkan diagnosis tersebut, oleh seorang pakar yang adil dan diperakui dalam bidang perubatan berkenaan dan pandangan pakar itu terhadap diagnosis tersebut akan dikira terikat di antara anda atau Peserta dengan kami.
Doktor, Pakar Perubatan atau Pakar Bedah	Pengamal perubatan berdaftar yang bertauliah dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat. Semasa memberikan rawatan, mereka mesti mengamalkannya mengikut skop perlesenan dan latihan mereka di dalam kawasan geografi profesion tersebut diamalkan. Individu ini tidak termasuk anda, Peserta, suami atau isteri anda atau Peserta atau saudara-mara terdekat.
Endorsemen	Endorsemen, jika ada, sebarang terma-terma dan syarat-syarat yang terdapat di dalam Sijil ini yang diubahsuai atau diubah dan ditandatangani oleh kami.
Tarikh Luput/Matang	Tarikh Luput/Matang Sijil ini, seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama.
Fi	Fi Wakalah dan Tabarru' yang ditolak.
Tahun Kewangan	Tempoh dari 1 April bagi mana-mana tahun kalendar sehingga 31 Mac tahun kalendar berikutnya.
Kecederaan	Kecederaan anggota badan yang dapat dilihat pada luaran badan yang disebabkan secara langsung oleh Kemalangan dan bebas daripada semua punca-punca lain, kecuali di dalam kes lemas atau kecederaan dalaman yang didedahkan melalui autopsi. Perlu ada bukti lebam atau luka pada tubuh badan yang dapat dilihat.
Salahnyata	Sebarang kenyataan, dokumen, maklumat berkaitan Sijil ini yang tidak benar, mengelirukan atau di mana maklumat disembunyikan daripada kami.
MetLife	Merujuk kepada MetLife Holdings Inc. dan semua anak syarikat secara langsung atau tidak langsung, syarikat bersekutu, sekutu dan/atau syarikat yang berkaitan termasuk tetapi tidak terhad kepada AmMetLife Takaful Berhad.
Peserta	Orang yang dilindungi di bawah Sijil ini, seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama.
Dana Risiko Peserta-peserta (DRP)	Dana yang terdiri daripada Tabarru', daripada sebahagian Sumbangan anda, untuk membantu Peserta dan Peserta-peserta lain yang memerlukan, melalui manfaat-manfaat yang mereka berhak ke atasnya.

Keadaan Sedia Ada	Hilang Upaya yang diketahui sewajarnya oleh Peserta sebelum Tarikh KuatKuasa. Seorang Peserta mungkin dianggap mengetahui sewajarnya sesuatu Keadaan Sedia Ada di mana keadaan tersebut adalah sesuatu yang mana: a) Peserta telah atau sedang menerima rawatan; atau b) nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah disyorkan; atau c) tanda-tanda ketara dan jelas atau telah terbukti; atau d) kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas bagi seseorang individu yang waras.
Qard	Pinjaman tanpa faedah yang diberikan oleh kami jika DRP berada dalam keadaan defisit.
Penyakit atau Wabak	Satu keadaan fizikal yang ditandakan dengan penyimpangan patologikal daripada keadaan kesihatan yang normal.
Pakar	Bermaksud pengamal perubatan atau pergigian berdaftar yang bertauliah dan berlesen di dalam kawasan geografi profesion tersebut diamalkan, di mana rawatan dilakukan dan beliau diklasifikasikan oleh pihak berkuasa kesihatan sebagai seseorang yang mempunyai kepakaran yang khas dan superior di bidang perubatan atau pergigian yang spesifik, tetapi tidak termasuk Doktor, Pakar Perubatan, Pakar Pergigian atau Pakar Bedah yang merupakan anda atau Peserta itu sendiri.
Jumlah Perlindungan	Jumlah Perlindungan untuk manfaat Penyakit Kritikal yang diguna pakai untuk Sijil ini seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama.
Pembedahan	Mana-mana prosedur perubatan yang berikut: a) membuat insisi, mengeksisi atau elektro-lecuh mana-mana organ atau bahagian badan, kecuali perkhidmatan pergigian; b) membetulkan, membaik pulih atau membina semula mana-mana organ atau bahagian badan; c) mengurangkan dengan memanipulasi sesuatu retak atau dislokasi; d) penggunaan prosedur endoskopi untuk tujuan menyiasat, mendiagnosis dan rawatan.
Lebihan	Lebihan yang timbul daripada DRP selepas pembayaran tuntutan, rizab dan kos retakaful (jika ada). Lebihan, jika ada, adalah dihitung setiap tahun.
Tabarru'	Sesuatu derma, hadiah atau Sumbangan. Di dalam Sijil ini, Tabarru' bermaksud derma untuk tujuan takaful.
Manfaat-manfaat Takaful	Manfaat-manfaat yang dinyatakan di bawah seksyen dengan tajuk "Manfaat-manfaat Takaful".
Wakalah	Satu persetujuan untuk melantik kami untuk bertindak bagi pihak Peserta-peserta untuk melaburkan dan menguruskan DRP yang disediakan di bawah Sijil ini. Bagi menguruskan dan melaburkan dana-dana, Kami berhak menerima Fi Wakalah.
kami	AmMetLife Takaful Berhad.

2. PERUNTUKAN-PERUNTUKAN UMUM

2.1 Asas Sijil ini dan Syarat-syarat Hak

- 2.1.1 Ini adalah pelan takaful keluarga biasa individu yang memberikan anda perlindungan takaful seperti yang dinyatakan di dalam Sijil ini.
- 2.1.2 Sijil ini dikeluarkan berasaskan dan bergantung terhadap borang cadangan bersama dengan semua pernyataan, maklumat perubatan dan dokumen/maklumat lain di mana anda dan/atau Peserta telah berikan.
- 2.1.3 Sijil ini membentuk keseluruhan kontrak di antara anda dan kami. Kecuali dinyatakan sebaliknya, tiada wakil atau orang selain daripada individu-individu yang diberi kuasa oleh kami boleh membuat sebarang pertukaran, perubahan atau penepian yang mana ianya mesti dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh individu-individu yang diberi kuasa tersebut.

2.2 Perlindungan Takaful

- 2.2.1 Perlindungan Takaful kepada Peserta:
 - a) Akan bermula pada Tarikh Perlindungan dengan syarat kami menerima Sumbangan yang perlu dibayar untuk perlindungan tersebut; dan
 - b) Akan tamat berdasarkan peruntukan-peruntukan Sijil ini.
- 2.2.2 Semua hak di bawah Sijil ini hanya boleh dilaksanakan oleh anda, kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.3 Tanggungjawab Untuk Mengambil Langkah Sewajarnya dan Tidak Membuat Salah Nyataan

- 2.3.1 Anda dikehendaki untuk mengambil langkah sewajarnya dalam menjawab borang cadangan dan/atau secara sukarela mendedahkan maklumat kepada kami. Jika maklumat yang anda berikan adalah tidak tepat atau dibuat secara palsu, atau kami mendapati bahawa anda telah menyembunyikan sebarang kenyataan, dan maklumat tersebut adalah penting untuk kami menentukan sama ada untuk memberikan perlindungan kepada Peserta di bawah Sijil ini, maka kami boleh mengambil tindakan(-tindakan) tertentu sebagaimana yang diperuntukkan dalam Sijil ini.
- 2.3.2 Kami tidak akan membayar sebarang Manfaat-manfaat Takaful jika:
 - a) Sebarang borang cadangan, pengakuan, maklumat perubatan dan dokumen/maklumat lain yang dinyatakan adalah didapati palsu, tidak benar atau tidak lengkap dan ianya dibuat atau tidak dinyatakan dengan niat untuk melakukan penipuan; atau
 - b) Anda tidak memberikan kami dokumen-dokumen atau maklumat yang sepatutnya diberikan kepada kami dalam masa yang telah kami tetapkan untuk proses pembayaran Manfaat Takaful.
- 2.3.3 Salahnyata yang disengajakan atau melulu
Di mana kami menjumpai sebarang Salahnyata adalah:-
 - a) dibuat secara melulu atau sengaja; dan
 - b) relevan kepada kami selagi sekiranya maklumat tersebut telah didedahkan kepada kami secara wajar, ianya akan mengakibatkan keengganan kami mengeluarkan Sijil ini atau kami mengenakan terma yang kurang menguntungkan Peserta;maka, kami akan memilih untuk membatalkan Sijil dan menolak semua tuntutan.
Jika kami memilih untuk membatalkan Sijil, kami akan membayar balik amaun Fi Wakalah yang masih belum diperolehi kepada anda.
- 2.3.4 Salahnyata yang cuai atau tidak bersalah
Jika Salahnyata adalah:-
 - a) Tidak sengaja atau tidak bersalah; dan
 - b) Sekiranya keadaan atau kenyataan adalah betul atau tepat telah diberitahu kepada kami pada permulaan Sijil atau sebarang perlindungan/rider/manfaat;Akibatnya, kami tidak akan mengeluarkan Sijil dari awal lagi, kami boleh memilih untuk membatalkan Sijil dan menolak sebarang tuntutan seperti kami tidak pernah mengeluarkan Sijil. Jika kami membatalkan Sijil ini, kami akan membayar balik amaun berikut kepada anda:
 - a) Sumbangan setelah ditolak Fi Wakalah; dan
 - b) Fi Wakalah yang masih belum diperolehi.ATAU
Akibatnya, kami akan mengeluarkan atau memperbaharui Sijil tetapi pada terma-terma yang berbeza, kemudian kami boleh memilih untuk mengenakan terma-terma yang berbeza di dalam Sijil dan terma-terma tersebut boleh digunakan secara retrospektif dari Tarikh Kuatkuasa.
ATAU

Akibatnya, kami akan mengeluarkan atau memperbaharui Sijil tetapi dengan Sumbangan yang lebih tinggi kemudian kami boleh mengurangkan manfaat yang dibayar dari DRP secara berkadar berdasarkan kiraan berikut:

$$\frac{\text{Sumbangan sebenar yang dikenakan} \times \text{Amaun tuntutan seperti Sijil ini}}{\text{Sumbangan yang akan dikenakan}}$$

2.4 Salahyata Umur atau Jantina Peserta

- 2.4.1 Umur Peserta mungkin telah diakui semasa hayatnya kepada kami dengan bukti yang sepatutnya diberikan tetapi jika ia tidak diakui, bukti umur mesti diserahkan sebelum kami membayar sebarang Manfaat Takaful untuk tuntutan yang dibuat di bawah Sijil ini.
- 2.4.2 Jika sebelum ini kami tidak mengesahkan atau memastikan umur atau jantina Peserta adalah benar, kami mempunyai hak untuk meminta bukti Umur atau jantina Peserta sebelum membuat sebarang pembayaran di bawah Sijil ini.
- 2.4.3 Jika anda atau Peserta telah menyatakan umur atau jantina Peserta dengan salah, kami berhak untuk mengubah atau menyelaraskan peruntukan-peruntukan Sijil ini, berdasarkan umur atau jantina Peserta yang sebenar.
- 2.4.4 Jika jumlah Sumbangan berdasarkan Umur atau jantina Peserta yang betul adalah lebih tinggi daripada jumlah Sumbangan yang telah dibayar, kami akan mengurangkan manfaat yang perlu dibayar dan membezakan pengagihan lebihan di bawah Sijil ini dengan perbezaan antara Sumbangan sebenar yang dibayar dan Sumbangan yang sepatutnya dibayar untuk Sijil.
- 2.4.5 Jika jumlah Sumbangan berdasarkan kepada Umur atau jantina Peserta yang betul adalah lebih rendah daripada jumlah Sumbangan yang telah dibayar, kami akan memulangkan perbezaan antara Sumbangan sebenar yang dibayar dan Sumbangan yang sepatutnya dibayar untuk Sijil.

2.5 Ketidakbolehpertikaian

- 2.5.1 Kami tidak akan mempertikaikan kesahihan Sijil ini selepas ia telah berkuatkuasa semasa hayat Peserta kecuali bagi Salahyata, pernyataan palsu atau fakta-fakta penting tidak dinyatakan.
- 2.5.2 Fakta penting bermaksud fakta yang mana, jika kami ketahui, ia mungkin menyebabkan kami mengenakan Sumbangan atau pengecualian tambahan atau menolak permohonan takaful.

2.6 Mata Wang dan Tempat Pembayaran

- 2.6.1 Bayaran Sumbangan atau Manfaat-manfaat Takaful mesti dibuat dalam Ringgit Malaysia sahaja.

2.7 Pertukaran Sumbangan, Fi atau Terma dan Syarat

- 2.7.1 Kami berhak meminda amaun Sumbangan atau Fi atau meminda terma dan syarat Sijil ini pada bila-bila masa dengan memberi notis secara bertulis sembilan puluh (90) hari kepada anda di alamat terakhir anda yang diketahui. Pindaan ini akan ditentukan oleh kami yang dianggap wajar dan saksama.

2.8 Pertukaran Risiko

- 2.8.1 Anda mesti memberi notis secara bertulis dengan serta-merta jika ada pertukaran di dalam pekerjaan, perniagaan, tugas-tugas atau kegiatan-kegiatan Peserta dan membayar sebarang Sumbangan tambahan yang mungkin dikenakan oleh kami disebabkan perubahan dalam risiko.

2.9 Tempoh Rujukan Percuma

- 2.9.1 Anda boleh membatalkan Sijil ini dengan memberi kami notis secara bertulis dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penerimaan Sijil ini. Sijil ini akan hanya dianggap telah dipulangkan kepada kami pada tarikh ianya diterima oleh kami.
- 2.9.2 Jika Sijil ini dibatalkan semasa Tempoh Rujukan Percuma, kami akan memulangkan amaun penuh Sumbangan yang telah dibayar.

2.10 Retakaful

- 2.10.1 Kami akan mendapatkan dan mengatur untuk retakaful daripada mana-mana pihak ketiga kami anggap perlu dan berpatutan dengan perlindungan Takaful yang diluluskan di bawah Sijil ini.

2.11 Pemberitahuan

- 2.11.1 Semua pemberitahuan mestilah secara bertulis dan akan diserahkan kepada anda.
- 2.11.2 Begitu juga, semua pemberitahuan kepada kami mestilah secara bertulis dan dianggap telah diserahkan selengkapnya apabila kami menerimanya.
- 2.11.3 Sebarang pemberitahuan yang dihantar melalui pos adalah dianggap telah diterima oleh anda lima (5) hari selepas ia dipos tanpa mengira sama ada ia telah diterima atau tidak.
- 2.11.4 Bagi pemberitahuan umum kepada pelanggan-pelanggan kami di mana tidak spesifik kepada seseorang Pemegang Sijil atau Peserta sahaja, pemberitahuan tersebut dianggap mencukupi sekiranya pemberitahuan tersebut dibuat melalui pengumuman di dalam akhbar-akhbar utama atau melalui laman sesawang kami (yang dianggap sesuai oleh kami).

2.12 Pemberitahuan Pengesahan

- 2.12.1 Jika kami mengeluarkan pemberitahuan pengesahan, kami akan menganggap isi kandungan untuk pemberitahuan itu adalah benar kecuali terdapat kesilapan yang jelas atau anda membuat aduan yang sah kepada kami dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh pemberitahuan pengesahan.

2.13 Tuntutan

- 2.13.1 Sebelum kami membayar sebarang tuntutan di bawah Sijil ini, kami mempunyai hak untuk meminta anda mengembalikan Sijil dan menyerahkan kepada kami dokumen-dokumen yang sah untuk kami memproses dan meluluskan tuntutan tersebut.

2.14 Penamatan

- 2.14.1 Sijil ini akan tamat secara automatik:
 - a) pada Tarikh Luput; atau
 - b) apabila berlaku pembatalan semasa Tempoh Rujukan Percuma; atau
 - c) apabila Peserta meninggal dunia; atau
 - d) apabila manfaat Penyakit Kritikal yang perlu dibayar di bawah Sijil ini telah dibayar sepenuhnya; atau
 - e) apabila ia ditamatkan di bawah mana-mana peruntukan Sijil ini; yang mana berlaku dahulu.

2.15 Tafsiran

- 2.15.1 Di dalam Sijil ini, kecuali dinyatakan sebaliknya:
 - a) tajuk-tajuk dimasukkan untuk kemudahan sahaja dan tidak menjejaskan bagaimana Sijil ini ditafsirkan;
 - b) perkataan-perkataan yang merujuk kepada mufrad juga termasuk perkataan jamak dan sebaliknya di mana bersesuaian;
 - c) perkataan-perkataan yang merujuk kepada jantina adalah termasuk semua jantina;
 - d) rujukan terhadap sebarang notis atau permintaan yang hendak diberikan kepada kami hendaklah secara bertulis;
 - e) rujukan terhadap undang-undang dan peraturan-peraturan adalah termasuk undang-undang dan peraturan-peraturan yang diubah atau dibuat semula dari semasa ke semasa.
- 2.15.2 Setiap peruntukan di dalam Sijil ini adalah berasingan dan berlainan di antara satu sama lain dan jika satu (1) atau lebih peruntukan-peruntukan itu menjadi tidak sah, dibatalkan atau menyalahi undang-undang, penguatkuasaan peruntukan-peruntukan lain di dalam Sijil ini tidak akan terjejas atau terkurang olehnya.

2.16 Undang-undang, Syarat-syarat dan Peraturan-peraturan

- 2.16.1 Sijil ini dan kewajiban kami ke atas Sijil ini adalah tertakluk kepada undang-undang, syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa di Malaysia sekarang dan undang-undang, syarat-syarat dan peraturan-peraturan tersebut adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang surat pekeliling, arahan atau garis panduan yang dikeluarkan sekarang atau pada masa akan datang oleh pihak berkuasa yang berkenaan dan/atau badan-badan berkanun yang mempunyai kuasa ke atas kami.
- 2.16.2 Bertepatan dengan apa yang terkandung di dalam Sijil ini, jika terdapat konflik di antara peruntukan-peruntukan di dalam Sijil ini dan sebarang undang-undang, syarat-syarat atau peraturan-peraturan (termasuk tetapi tidak terhad kepada surat pekeliling, arahan atau garis panduan yang dikeluarkan sekarang atau pada masa akan datang oleh pihak berkuasa yang berkenaan dan/atau badan-badan berkanun yang mempunyai kuasa ke atas kami), undang-undang, syarat-syarat dan peraturan-peraturan tersebut akan diguna pakai.
- 2.16.3 Sijil ini akan dikawal dan diertikan berdasarkan undang-undang Malaysia dan semua pihak secara muktamad menyerahkan kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah-mahkamah yang berkelayakan di Malaysia.
- 2.16.4 Kami mempunyai hak mutlak untuk membuat sebarang perubahan yang mungkin diperlukan berdasarkan mana-mana undang-undang dan peraturan-peraturan dengan memberi anda notis secara bertulis.

2.17 Pencegahan Pengubahan Wang Haram atau Pembiayaan Keganasan Secara Haram

- 2.17.1 Jika kami mengetahui atau mengesyaki dengan sebab yang berasa bahawa Sijil ini digunakan untuk aktiviti-aktiviti pengubahan wang haram dan/atau untuk membiayai keganasan, kami berhak untuk menamatkan Sijil ini dengan serta-merta. Kami akan menguruskan semua Sumbangan yang telah dibayar dan semua Manfaat Takaful yang perlu dibayar berdasarkan Sijil ini dengan pelbagai cara yang kami fikir sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada menyerahkannya kepada pihak berkuasa.

2.18 Pendedahan Maklumat

- 2.18.1 Anda memberi kebenaran kepada kami untuk mendedahkan, pada budi bicara kami, maklumat dan dokumen berkaitan dengan Sijil ini kepada/untuk:
- a) Waris terdekat/pentadbir/wasi/pewaris/peguam cara yang mewakili mereka untuk tujuan memohon sebarang perintah mahkamah berkenaan dengan harta pusaka anda;
 - b) Kepada mana-mana pihak atau peguam cara yang mewakili pihak yang telah mendapat perintah mahkamah berkenaan dengan Sijil ini;
 - c) Penerima dan pengurus yang dilantik oleh mana-mana pemegang debentur Peserta korporat, penyelesaian, pemegang serah hak rasmi/penerima rasmi Peserta yang bankrap;
 - d) BNM/pengawal selia/pihak berkuasa yang bertindak di bawah kuasa yang diberikan di bawah mana-mana undang-undang;
 - e) Persatuan/organisasi industri takaful yang mana kami merupakan ahli;
 - f) Wakil-wakil/ajuster-ajuster kerugian yang dilantik oleh kami;
 - g) Wakil-wakil yang dilantik oleh anda;
 - h) Tujuan mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan Sijil ini;
 - i) Polis/badan penyiasat yang lain untuk:
 - i. Membuat laporan yang berkaitan dengan kami;
 - ii. Penyiasatan untuk sebarang jenayah (termasuk pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan);
 - iii. Pencegahan jenayah;
 - f) Badan-badan berkanun, agensi-agensi dan jabatan-jabatan kerajaan bagi mereka melaksanakan fungsi-fungsi dan tugas-tugas mereka;
 - g) Vendor kami, pembekal perkhidmatan, perunding-perunding, penasihat profesional luar yang mungkin diperlukan untuk melaksanakan fungsi-fungsi, tugas-tugas dan tanggungjawab kepada kami dan Kumpulan AmBank/MetLife;
 - h) Mana-mana pihak yang mana pada masa hadapan mungkin berminat untuk mengambil alih kepentingan/menjadi pemegang saham/menurut mana-mana susunan, komposisi, gabungan, pengambil-alihan/penyusunan semula yang dicadangkan di antara kami dan pihak-pihak tersebut;
 - i) Mana-mana pihak luar yang diperlukan untuk sebarang latihan korporat, aktiviti usaha wajar yang dijalankan oleh kami/Kumpulan AmBank/MetLife;

- j) Syarikat-syarikat Kumpulan AmBank/MetLife untuk tujuan perkhidmatan sumber luar oleh kami dan untuk perkhidmatan yang dikongsi/berpusat seperti audit dalaman, pengurusan risiko, undang-undang, kewangan, informasi teknologi dan pematuhan.

2.19 Privasi

- 2.19.1 Anda telah mengesahkan bahawa anda telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi kami yang boleh didapati di ammetlifetakaful.com dan fasal di dalam ini, sebagaimana yang berkaitan dengan pemprosesan data peribadi anda. Bagi mengelakkan keraguan, anda bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut hendaklah disifatkan sebagai diperbadankan dengan merujuk ke dalam Sijil ini.
- 2.19.2 Anda memberi kebenaran kepada kami dan Kumpulan AmBank/MetLife, sekutu-sekutu dan ejen-ejen untuk mengumpul, memindah (di dalam atau di luar Malaysia) dan memproses data peribadi anda, termasuk data peribadi sensitif, seperti maklumat kesihatan atau data biometrik bagi membolehkan kami menjalankan atau melaksanakan tanggungjawab kami berkaitan dengan perkhidmatan-perkhidmatan dan manfaat-manfaat yang disediakan di bawah sijil ini. Data peribadi bermaksud nama, tarikh lahir, alamat jalan, alamat e-mel dan maklumat lain yang boleh mengenal pasti anda sebagai seorang individu.
- 2.19.3 Sekiranya anda memberikan data peribadi dan/atau maklumat kewangan yang berkaitan dengan pihak ketiga untuk tujuan menguruskan pelan Takaful dengan kami, anda:
- a) Mengesahkan bahawa anda telah memperoleh persetujuan mereka atau selainnya berhak untuk memberikan maklumat kepada kami dan untuk kami menggunakannya berdasarkan Sijil ini;
 - b) Bersetuju untuk memastikan bahawa data peribadi pihak ketiga adalah tepat dan dikemaskini;
 - c) Bersetuju dengan kami untuk menamatkan pelan Takaful sekiranya persetujuan itu ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga.
- 2.19.4 Anda bersetuju bahawa syarikat-syarikat berkaitan kami (Kumpulan AmBank atau MetLife), rakan dagangan dan rakan strategik boleh menghubungi anda tentang produk, perkhidmatan dan tawaran, yang kami dan Kumpulan AmBank atau MetLife percaya mungkin menarik atau memberi manfaat kepada anda.
- 2.19.5 Kami dan Kumpulan AmBank/MetLife boleh berkomunikasi dengan anda melalui pelbagai saluran, termasuk telefon, e-mel, mesej elektronik/mudah alih, faksimili atau pos, menggunakan maklumat hubungan yang anda telah disediakan.
- 2.19.6 Anda boleh memaklumkan kepada kami pada bila-bila masa jika anda tidak mahu menerima komunikasi pemasaran kami, Kumpulan AmBank atau MetLife dan/atau rakan dagang dan rakan kongsi perniagaan, dengan menghubungi kami di pelbagai saluran.
- 2.19.7 Arahan bertulis terkini anda kepada kami akan diguna pakai. Anda mengakui bahawa komunikasi tertentu seperti penyata pelan takaful anda dan laman sesawang Kumpulan AmBank atau MetLife mungkin mengandungi maklumat standard mengenai produk dan perkhidmatan kami yang lain dan Kumpulan AmBank/MetLife yang tidak boleh dikeluarkan tanpa menjejaskan peruntukan penghantaran/pengendalian pelan takaful dan/atau tanpa tambahan kos kepada anda.
- 2.19.8 Walaupun selepas anda telah menyediakan kami dengan mana-mana maklumat, anda akan mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran yang diberikan sebelum ini. Dalam keadaan itu, kami akan mempunyai hak untuk tidak memberikan atau tidak meneruskan penyediaan pelan takaful yang dihubungkan dengan maklumat tersebut.
- 2.19.9 Kami berhak untuk meminda seksyen ini dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlak kami dengan menyediakan notis kepada anda.
- 2.19.10 Seksyen ini tidak akan menjejaskan seksyen Pendedahan Maklumat Sijil ini.

2.20 Cukai Kepenggunaan

- 2.20.1 Sumbangan yang Anda akan bayar kepada Kami di bawah Sijil ini adalah tidak termasuk mana-mana Cukai Kepenggunaan, dan hendaklah dibayar tanpa sebarang penolakan, sekatan atau syarat dan tanpa pengurangan disebabkan tuntutan balas atau apa-apa pemotongan atau penangguhan. Untuk mengelakkan keraguan, semua Sumbangan yang Anda bayar kepada Kami di bawah Sijil ini mestilah dibuat secara bebas dan bersih daripada sebarang potongan atau penangguhan berdasarkan Cukai Kepenggunaan. Sekiranya pemotongan atau penangguhan dikehendaki oleh undang-undang, amaun yang dibayar atau perlu dibayar mestilah dijumlahkan untuk memastikan Kami menerima amaun yang sama sebagaimana Kami berhak terima tanpa pemotongan atau penangguhan.
- 2.20.2 Sekiranya Kami dikehendaki oleh undang-undang dan/atau peraturan untuk mengira dan mengutip sebarang amaun dibayar atau perlu dibayar daripada Anda di bawah Sijil ini disebabkan Cukai Kepenggunaan, amaun yang telah Kami kira akan dibayar oleh Anda sebagai tambahan dan tanpa sebarang pemotongan atau penolakan kepada Sumbangan yang perlu dibayar di bawah Sijil ini.

3. DANA-DANA

3.1 Peruntukan Sumbangan ke dalam Dana Risiko Peserta-peserta

- 3.1.1 Kami akan memperuntukkan Sumbangan, setelah ditolak Fi Wakalah ke dalam DRP.

3.2 Serahan

- 3.2.1 Anda dinasihatkan untuk tidak menyerahkan Sijil ini.
- 3.2.2 Walau bagaimanapun, anda boleh membatalkan Sijil ini pada bila-bila masa selepas Tempoh Rujukan Percuma dengan memberi notis secara bertulis kepada kami. Kami akan membayar balik sebahagian sumbangan anda dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan dalam Tahun Sijil semasa seperti berikut:

Tempoh Tidak Melebihi	Bayaran Balik Sumbangan Tahunan
1 bulan*	85%
2 bulan	70%
3 bulan	55%
4 bulan	45%
5 bulan	35%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
12 bulan	0%

*Untuk penamatan dalam Tempoh Rujukan Percuma hendaklah merujuk kepada Klausula Tempoh Rujukan Percuma

3.3 Dana Risiko Peserta-peserta dan Agihan Lebihan

- 3.3.1 Sumbangan setelah ditolak Fi Wakalah, akan diperuntukkan ke dalam DRP sebagai Tabarru'.
- 3.3.2 DRP adalah untuk manfaat bersama semua Peserta dan menyediakan satu bentuk perlindungan kewangan.
- 3.3.3 Kami akan membayar Manfaat Takaful untuk perlindungan yang berkaitan di bawah Sijil ini daripada DRP.
- 3.3.4 Kami akan menguruskan aset-aset dan mempunyai hak mutlak untuk melabur dan menguruskan aset-aset berdasarkan prinsip-prinsip Syariah dan akan mengelak daripada melabur aset-aset di dalam saham-saham atau aset-aset yang dilarang oleh Syariah. Kami akan membiayai apa-apa kerugian yang berlaku di dalam DRP jika kerugian tersebut adalah terbukti disebabkan oleh kecuaiannya kami dalam menguruskan DRP.
- 3.3.5 Semua kos, perbelanjaan, caj dan cukai untuk menyelenggara dan melaburkan aset-aset DRP dan sebarang perbelanjaan lain akan ditanggung dan dibayar daripada DRP.
- 3.3.6 Aset-aset dan liabiliti-liabiliti DRP akan dinilai pada akhir setiap Tahun Kewangan dan prinsip-prinsip aktuari akan diguna pakai untuk menilai Lebihan yang terhasil. Bayaran dan peruntukan tuntutan, kos retakaful (jika ada), rizab teknikal, rizab penstabilan dan sebarang defisit yang telah dibawa ke hadapan akan diambil kira semasa kami mengira Lebihan yang terhasil.
- 3.3.7 Sebarang Lebihan daripada DRP akan diperuntukkan semula kepada PRF. Jika terdapat defisit di dalam DRP, kami akan menyediakan Qard daripada dana pemegang-pemegang saham untuk membiayai defisit. Lebihan yang terhasil di dalam DRP pada masa hadapan akan digunakan untuk membayar Qard sebelum Lebihan diagihkan.

4. JADUAL FI DAN TABARRU'

4.1 Fi Wakalah

- 4.1.1 Setiap Sumbangan untuk pelan asas dan rider (jika ada) yang dibayar oleh anda adalah tertakluk kepada Fi Wakalah seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama.

4.2 Tabarru'

- 4.2.1 Tabarru' ialah Sumbangan setelah ditolak Fi Wakalah dan akan diperuntukkan ke dalam DRP.

5. SUMBANGAN DAN JUMLAH PERLINDUNGAN

5.1 Sumbangan

- 5.1.1 Sijil ini telah dikeluarkan dan Manfaat-manfaat Takaful di bawah Sijil ini adalah tersedia untuk Peserta sebagai balasan terhadap bayaran Sumbangan yang telah ditetapkan.
- 5.1.2 Amaun, frekuensi dan tempoh Sumbangan yang perlu dibayar adalah dinyatakan di dalam Jadual Pertama.

5.2 Perubahan Jumlah Perlindungan

- 5.2.1 Setelah Sijil ini dikeluarkan, Jumlah Perlindungan bagi manfaat-manfaat yang tersedia adalah seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama. Anda tidak dibenarkan untuk menambah atau mengurangkan Jumlah Perlindungan pada bila-bila masa.

6. MANFAAT-MANFAAT TAKAFUL

6.1 Manfaat Penyakit Kritikal

- 6.1.1 Semasa Sijil ini berkuatkuasa dan dengan syarat notis tuntutan dan dokumen sokongan yang memuakan telah diberikan kepada kami, kami akan membayar Jumlah Perlindungan Manfaat Penyakit Kritikal sekaligus sekiranya:
- Penyakit Kritikal yang dilindungi berlaku tiga puluh (30) hari selepas Tarikh Perlindungan; dan
 - Diagnosis atau kejadian penyakit kritikal yang dilindungi memenuhi **Definisi Penyakit Kritikal**.
- 6.1.2 Walau bagaimana pun klausa 6.1.1, Penyakit Kritikal yang berikut hanya dilindungi enam puluh (60) hari selepas Tarikh BerkuatKuasa:
- Kanser
 - Penyakit Jantung Koronari Memerlukan Pembedahan
 - Serangan Jantung
 - Penyakit Arteri Koronari Serius yang lain
- 6.1.3 Sijil ini akan tamat sekiranya bayaran Manfaat Penyakit Kritikal telah dibayar.

6.2 Definisi-definisi Penyakit Kritikal

6.2.1 Penyakit Alzheimer/Penyakit Kemosototan Organik Otak Kekal

Kemosototan atau kehilangan keupayaan intelek atau kelakuan tidak normal, yang dibuktikan secara keadaan klinikal dan soal selidik atau ujian piawai yang diterima, akibat daripada penyakit Alzheimer atau penyakit kemosototan organik otak yang tidak boleh dipulihkan yang menyebabkan pengurangan yang signifikan di dalam kefungsi mental dan sosial (yang mana penjagaan berterusan adalah diperlukan). Diagnosis tersebut mesti disahkan secara klinikal oleh seorang pakar neurologi.

Kami tidak melindungi yang berikut:

- Penyakit otak bukan-organik seperti neurosis dan penyakit-penyakit psikiatrik;
- Kerosakan otak berkaitan dengan dadah atau alkohol.

6.2.2 Meningitis Bakteria

Meningitis bakteria yang menyebabkan radang pada membran-membran otak dan/atau saraf tunjang. Ini mengakibatkan masalah neurologi kekal yang berlanjutan sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari dan menyebabkan kehilangan upaya kekal untuk menjalankan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti-aktiviti Kehidupan Harian.

Diagnosis ini mesti disahkan oleh:

- seorang pakar yang bersesuaian; dan
- kehadiran jangkitan bakteria pada cecair serebrospinal oleh punktur lumbur.

6.2.3 Tumor otak benigna

Satu tumor bukan kanser di dalam otak atau meninges sekitar kranium, yang mengancam nyawa, yang menunjukkan tanda-tanda peningkatan tekanan di dalam tengkorak seperti papilledema (pembengkakkan pada kepala melibatkan saraf optik, satu tanda peningkatan tekanan di dalam tengkorak), simptom-simptom mental, sawan dan kerosakan deria. Kehadiran tumor ini mesti disahkan oleh kajian pengimejan seperti imbasan CT atau imbasan MRI.

Kami tidak akan melindungi yang berikut:

- Sista;
- Granuloma (benjolan sesuatu bentuk inflamasi yang spesifik);
- Kecacatan di dalam atau pada arteri-arteri atau urat-urat pada otak;
- Hematoma (pengumpulan darah di luar salur darah);
- Tumor di dalam kelenjar pituitari, atau tulang belakang;
- Tumor saraf akustik.

- 6.2.4 **Buta/Kehilangan Penglihatan secara Menyeluruh**
Kehilangan penglihatan secara kekal (tidak boleh dipulihkan) dan menyeluruh pada kedua-dua belah mata akibat penyakit atau Kemalangan. Keadaan buta itu mesti disahkan oleh seorang pakar oftalmologi.
- 6.2.5 **Pembedahan Otak**
Menjalani pembedahan pada otak di bawah anestesia am, di mana suatu kraniotomi dilakukan.
- Kami tidak akan melindungi yang berikut:
- Prosedur-prosedur Burr hole, prosedur-prosedur transfenoid dan lain-lain prosedur-prosedur invasif yang minima; dan
 - Pembedahan otak akibat Kemalangan.
- 6.2.6 **Kanser**
Sebarang tumor malignan yang didiagnos secara positif melalui pengesahan histologi dan dicirikan oleh pertumbuhan tidak terkawal sel-sel malignan dan serangan ke atas tisu sekeliling. Istilah tumor malignan termasuk leukemia, limfoma dan sarkoma.
- Untuk definisi di atas, yang berikut tidak dilindungi:
- Semua kanser yang diklasifikasikan sebagai pre-malignan, bukan-invasif; karsinoma in situ; mempunyai sama ada malignan pinggir atau mempunyai potensi malignan yang rendah;
 - Semua tumor prostat, tiroid dan pundi kencing yang diklasifikasikan secara histologi sebagai T1N0M0 (klasifikasi TNM);
 - Leukemia Limfositik Kronik kurang daripada Tahap 3 RAI;
 - Semua kanser dengan kehadiran HIV;
 - Sebarang kanser kulit selain daripada melanoma malignan.
- 6.2.7 **Anemia Aplasia Kronik**
Kegagalan sumsum tulang yang kekal dan berterusan yang mengakibatkan anemia, neutropenia dan trombositopenia yang memerlukan rawatan sekurang-kurangnya dua (2) daripada yang berikut:
- Pemindahan produk darah secara tetap;
 - Ejen-ejen perangsang sumsum;
 - Ejen-ejen immunosupresif;
 - Pemindahan sumsum tulang.
- Diagnosis tersebut mesti disahkan melalui biopsi sumsum tulang.
- 6.2.8 **Koma**
Satu keadaan tidak sedarkan diri yang tidak boleh bereaksi atau bertindak balas terhadap sebarang rangsangan daripada luar badan atau keperluan badan sendiri, yang berlanjutan untuk sekurang-kurangnya sembilan puluh enam (96) jam, yang memerlukan penggunaan sistem penampung nyawa dan mengakibatkan defisit neurologi yang berlanjutan lebih daripada tiga puluh (30) hari. Kami memerlukan pengesahan daripada seorang pakar neurologi.
- Kami tidak melindungi koma yang diakibatkan secara langsung oleh kecederaan yang dilakukan ke atas diri sendiri, penyalahgunaan alkohol atau dadah.
- 6.2.9 **Pembedahan Pintasan Arteri Koronari**
Merujuk kepada keadaan sebenar semasa menjalani pembedahan jantung terbuka untuk membaiki atau merawat Penyakit Arteri Koronari (PAK) secara Pengraftan Pintasan Arteri Koronari.
- Kami tidak melindungi angioplasti dan semua prosedur-prosedur intra-arterial, teknik berlandaskan kateter, lubang kunci atau laser.

6.2.10 **Pekak/Kehilangan Pendengaran secara Menyeluruh**

Merujuk kepada kehilangan pendengaran secara kekal (tidak boleh dipulihkan) dan menyeluruh pada kedua-dua belah telinga akibat penyakit atau Kemalangan. Menyeluruh bermaksud “kehilangan sekurang-kurangnya lapan puluh (80) desibel dalam semua frekuensi pendengaran”.

Bukti perubatan dalam bentuk ujian audiometri dan ambang-bunyi mesti diberikan dan disahkan oleh Pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT).

6.2.11 **Ensefalitis**

Merujuk kepada keradangan teruk otak, yang mengakibatkan defisit neurologi kekal yang berlanjutan sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari dan disahkan oleh pakar neurologi. Defisit kekal tersebut mesti menyebabkan kehilangan upaya untuk menjalankan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti-aktiviti Kehidupan Harian.

Kami tidak melindungi ensefalitis dengan kehadiran jangkitan HIV.

6.2.12 **Kegagalan Buah Pinggang Terminal**

Kegagalan buah pinggang terminal yang diwakili oleh kegagalan kronik yang tidak boleh dipulihkan bagi kedua-dua buah pinggang untuk berfungsi, yang mengakibatkan keperluan dialisis secara tetap atau pemindahan buah pinggang dijalankan.

6.2.13 **Penyakit Hati Terminal**

Penyakit hati terminal sebagaimana yang dibuktikan oleh semua yang berikut:

- a) Jaundis tetap;
- b) Asites (lebih cecair); dan
- c) Ensefalopati hepatik.

Kami tidak melindungi kegagalan hati akibat penyalahgunaan dadah atau alkohol.

6.2.14 **Penyakit Paru-paru Terminal**

Penyakit paru-paru terminal yang menyebabkan kegagalan respiratori kronik. Keadaan Peserta mesti menepati kesemua kriteria berikut:

- a) Memerlukan terapi oksigen secara tetap disebabkan oleh nilai konsisten ujian Forced Expiratory Volume (FEV1) yang kurang daripada satu (1) liter (Forced Expiratory Volume semasa saat pertama hembusan nafas secara paksaan);
- b) Analisis Gas Darah Arteri Garis Dasar dengan tekanan oksigen separa sebanyak 55mmHg atau kurang;
- c) Dispnea (Kesukaran atau pnafasan yang sukar; sesak nafas) ketika berehat.

6.2.15 **Full Blown AIDS**

Manifestasi klinikal AIDS (Acquired Immuno-deficiency Syndrome) mesti disokong oleh keputusan ujian antibodi yang positif HIV (Human Immuno-deficiency Virus) dan ujian Western Blot yang disahkan. Peserta juga mesti mempunyai pengiraan sel CD4 yang kurang daripada dua ratus (200) dan memenuhi satu (1) atau lebih kriteria berikut:

- a) Kehilangan berat lebih daripada sepuluh peratus (10%) daripada berat badan dalam tempoh enam (6) bulan atau kurang (sindrom pembaziran).
- b) Mengalami sarkoma Kaposi.
- c) Mempunyai pneumonia pneumocystis carinii.
- d) Mempunyai leukoensefalopati multifocal progresif.
- e) Mempunyai batuk kering aktif.
- f) Mempunyai kurang daripada seribu (1,000) limfosit.
- g) Mempunyai limfoma malignan.

6.2.16 Hepatitis Viral Fulminan

Nekrosis hati yang separa besar kepada besar yang disebabkan oleh sebarang virus yang menjurus kepada kegagalan hati. Kriteria diagnostik yang perlu dipenuhi adalah:

- a) Pengurangan saiz hati dengan pantas seperti yang disahkan oleh ultrabunyi abdomen;
- b) Nekrosis melibatkan keseluruhan lobul, meninggalkan hanya satu struktur retikular yang rebah;
- c) Ujian kefungsi hati yang semakin merosot; dan
- d) Jaundis yang mendalam.

Mengalami jangkitan hepatitis B atau status pembawa sahaja tidak memenuhi kriteria diagnostik.

6.2.17 Serangan Sakit Jantung

Kematian sebahagian otot jantung (miokardium) akibat daripada kekurangan bekalan darah dan terbukti secara berikut:

- a) Mempunyai sejarah sakit dada yang berpanjangan;
- b) Perubahan baru elektrokardiografik akibat daripada kejadian ini, dan
- c) Peningkatan enzim jantung (CPK-MB) melebihi tahap normal makmal yang diterima secara umum atau troponin dicatat pada paras berikut atau lebih tinggi:

-Troponin T > 1.0 ng/ml atau ambang yang bersamaan dengan kaedah-kaedah Troponin I lain

Kami tidak melindungi angina (satu penyakit yang tertanda oleh serangan-serangan spasmodik kesakitan yang amat menyesakkan).

6.2.18 Pembedahan Injap Jantung

Menjalani pembedahan jantung terbuka untuk menggantikan atau memperbaiki injap-injap jantung akibat daripada kerosakan injap jantung atau ketidaknormalan yang telah berlaku selepas tarikh pengeluaran Sijil yang berkaitan.

Kami tidak melindungi pembaikan menggunakan prosedur intra-arteri, pembedahan lubang kunci, atau teknik-teknik yang seumpamanya.

6.2.19 Jangkitan HIV Akibat Pemindahan Darah

Peserta dijangkiti dengan virus Human Immunodeficiency (HIV) melalui pemindahan darah jika semua syarat-syarat berikut dipenuhi:

- a) pemindahan darah tersebut adalah perlu daripada segi perubatan atau dilakukan sebagai sebahagian daripada rawatan perubatan;
- b) pemindahan darah tersebut diterima di Malaysia atau Singapura selepas Sijil ini berkuatkuasa;
- c) sumber infeksi telah dipastikan adalah daripada Institusi yang melakukan pemindahan darah dan Institusi tersebut boleh mengenal pasti punca darah yang tercemar dengan HIV;
- d) Peserta tidak menghidapi hemofilia (satu kumpulan individu yang mewarisi gangguan perdarahan); dan
- e) Peserta bukan seorang ahli kumpulan berisiko tinggi seperti, tetapi tidak terhad kepada, pengguna-pengguna dadah intravena.

6.2.20 Kehilangan Upaya Hidup Berdikari

Peserta disahkan oleh Pakar Perubatan yang bersesuaian mengenai kehilangan upaya untuk hidup berdikari yang berlanjutan selama tempoh minimum enam (6) bulan berturutan dan mengakibatkan kehilangan upaya kekal untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti-Aktiviti Kehidupan Harian.

6.2.21 Kehilangan Pertuturan

Peserta telah disahkan secara bukti perubatan mengalami kehilangan keupayaan untuk bertutur secara menyeluruh dan kekal selama dua belas (12) bulan secara berterusan. Bukti perubatan yang mengesahkan kecederaan atau penyakit pada pita suara untuk menyokong kehilangan upaya ini mesti diberikan oleh Pakar Telinga, Hidung dan Tekak.

Kami tidak melindungi semua sebab-sebab yang berkaitan dengan psikiatri.

6.2.22 Kelecuran Major

Peserta mengalami lecuran kulit tahap ketiga (bermaksud: ketebalan penuh) yang meliputi sekurang-kurangnya dua puluh peratus (20%) daripada kawasan permukaan badan.

6.2.23 Trauma Kepala Major

Peserta mengalami kecederaan fizikal pada kepala yang mengakibatkan gangguan fungsi secara kekal, yang berlanjutan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan daripada tarikh trauma atau kecederaan. Terjadinya gangguan fungsi secara kekal ini perlu disahkan oleh seorang pakar neurologi dan mesti menyebabkan kehilangan upaya untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti-Aktiviti Kehidupan Harian.

6.2.24 Pemindahan Organ/Sumsum Tulang Major

Peserta menerima pemindahan:

- a) sumsum tulang manusia menggunakan sel induk hematopoetik didahului oleh ablasi menyeluruh sumsum tulang; atau
- b) salah satu daripada organ-organ manusia yang berikut: jantung, paru-paru, hati, buah pinggang atau pankreas akibat daripada kegagalan terminal organ berkenaan secara tetap.

Kami tidak melindungi pemindahan sel induk lain.

6.2.25 Penyakit Sistik Medular

Penyakit keturunan pada buah pinggang yang progresif, di mana ianya dicirikan oleh kehadiran sista di medula, atrofi tubular dan fibrosis interstitial dengan manifestasi klinikal anemia, poliuria dan kehilangan natrium oleh ginjal, yang melarat kepada kegagalan ginjal kronik. Diagnosis perlu disokong oleh biopsi ginjal.

6.2.26 Penyakit Neuron Motor

Degenerasi sistem kortikospina dan sel-sel tanduk anterior atau neuron eferen bulba yang progresif. Ini termasuk atrofi muskular spina, palsi bulbar progresif, sklerosis lateral amiotrofik dan sklerosis lateral primer.

Diagnosis mesti disahkan oleh seorang neurologi sebagai progresif dan mengakibatkan defisit neurologi yang kekal.

6.2.27 Sklerosis Berganda

Satu Diagnosis muktamad oleh seorang pakar neurologi yang mengesahkan kombinasi berikut, yang telah berterusan sekurang-kurangnya satu ratus lapan puluh (180) hari:

- a) Simptom-simptom yang merujuk kepada sistem (jirim putih) yang melibatkan saraf optik, pangkal otak dan saraf tunjang, yang menghasilkan defisit-defisit neurologi yang jelas;
- b) Lesi berasingan yang berganda; dan
- c) Satu catatan bertulis yang lengkap mengenai eksaserbasi dan pengurangan simptom-simptom tersebut/ defisit-defisit neurologi.

6.2.28 Distrofi Otot

Diagnosis bagi distrofi otot (satu daripada sekumpulan penyakit genetik yang dicirikan oleh kelemahan progresif dan degenerasi otot-otot rangka dan voluntari yang mengawal pergerakan) yang memerlukan pengesahan oleh seorang neurologi.

Peserta mesti mempunyai kombinasi tiga (3) daripada empat (4) keadaan-keadaan yang berikut:

- a) Sejarah keluarga individu-individu lain yang terlibat;
- b) Penyampaian klinikal termasuk ketiadaan gangguan deria, bendalir cerebro-spinal yang normal dan sedikit pengurangan refleks tendon;
- c) Pencirian elektromiogram;
- d) Kesangsian klinikal yang disahkan oleh biopsi otot.

Kami tidak akan bayar sebarang manfaat di bawah Penyakit Kritikal ini sekiranya Peserta berumur dua belas (12) tahun dan ke bawah pada ulang tahun kelahiran akan datang.

6.2.29 **Penyakit Arteri Koronari Serius Yang Lain**

Penyempitan lumen (merujuk kepada saluran dalam sesuatu tiub seperti sesuatu salur darah atau kepada kaviti di dalam organ berongga) sebanyak enam puluh peratus (60%) atau lebih yang melibatkan sekurang-kurangnya tiga (3) arteri koronari yang major (tidak termasuk cabang-cabang arteri tersebut) seperti yang dibuktikan oleh arteriografi koronari (prosedur diagnostik tak-invasif adalah dikecualikan).

Arteri-arteri Koronari di sini merujuk kepada Arteri Sirkumfleksi, Arteri Koronari Kanan (RCA), Arteri Menurun Anterior Kliri (LAD) dan Tunjang Utama Kiri (penyempitan sebanyak enam puluh peratus (60%) atau lebih pada Tunjang Utama Kiri akan dianggap sebagai penyempitan dua (2) arteri major)

Kami akan membayar manfaat ini sama ada pembedahan arteri koronari telah dilakukan ataupun tidak.

6.2.30 **Kelumpuhan/Paraplegia**

Kehilangan penuh dan kekal bagi penggunaan kedua-dua belah tangan atau kedua-dua belah kaki, atau sebelah tangan dan sebelah kaki, secara kelumpuhan yang disebabkan oleh penyakit atau kecederaan yang berlanjutan untuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan daripada tarikh trauma atau penyakit.

6.2.31 **Penyakit Parkinson**

Satu Diagnosis yang jelas terhadap penyakit Parkinson oleh seorang pakar neurologi di mana keadaan:

- a) tidak boleh dikawal dengan ubat-ubatan; dan
- b) menunjukkan tanda-tanda kekejangan progresif.

Satu penilaian terhadap Aktiviti-aktiviti Kehidupan Harian mesti mengesahkan kehilangan upaya Peserta untuk melakukan tanpa bantuan tiga (3) atau lebih Aktiviti-aktiviti Kehidupan Harian.

Kami hanya akan melindungi penyakit Parkinson idiopatik. Kami tidak melindungi Parkinsonisme teraruh ubat atau yang disebabkan oleh toksik.

6.2.32 **Tekanan Darah Tinggi Arteri Pulmonari Utama**

Bermaksud Tekanan Darah Tinggi Arteri Pulmonari Utama dengan pembesaran ventrikular kiri yang cukup banyak yang dikesan secara siasatan termasuk pengkateteran jantung, yang mengakibatkan gangguan fizikal yang kekal sehingga ke tahap sekurang-kurangnya Kelas III menurut klasifikasi New York Heart Association (NYHA) bagi gangguan jantung.

Kami tidak akan melindungi tekanan darah tinggi arteri pulmonari yang berpunca daripada sebab-sebab lain.

Klasifikasi NYHA untuk Gangguan Jantung bagi Kelas III dan Kelas IV bermaksud yang berikut:

Kelas III: Aktiviti fizikal yang terhad bertanda. Selesa ketika berehat tetapi kurang daripada aktiviti biasa penyebab simptom-simptom.

Kelas IV: Tidak dapat melibatkan diri dalam sebarang aktiviti fizikal tanpa berasa tidak selesa. Simptom-simptom mungkin hadir walaupun ketika berehat.

6.2.33 **Strok**

Satu Kemalangan atau kejadian pada serebrovaskular yang menghasilkan sekuela neurologikal (mengikut/akibat daripada) yang bersifat kekal, yang berterusan tidak kurang daripada tiga (3) bulan. Ini termasuk infarksi (kematian tisu) pada tisu otak, pendarahan dan embolisasi (prosedur bukan pembedahan dengan invasif minimal yang dilakukan oleh pakar radiologi intervensi dan pakar neuroradiologi intervensi) daripada sumber tambahan kranial.

Diagnosis tersebut mesti berdasar pada perubahan-perubahan yang kelihatan pada imbasan CT atau imbasan MRI dan disahkan oleh pakar neurologi.

Kami tidak melindungi yang berikut:

- a) simptom-simptom serebrum yang disebabkan oleh serangan iskemia sementara (strok sementara);
- b) sebarang defisit neurologi iskemia berbalik;
- c) iskemia vertebrobasilar (aliran darah yang lemah ke bahagian posterior (belakang) otak);
- d) simptom-simptom serebrum yang disebabkan oleh migrain;
- e) kecederaan serebrum akibat daripada trauma atau hipoksia (konsentrasi oksigen menurun di bawah paras yang perlu untuk meneruskan hidup); dan
- f) penyakit vaskular yang mempengaruhi mata atau saraf optik atau fungsi-fungsi vestibular.

6.2.34 **Pembedahan Pada Aorta**

Menjalani pembedahan sebenar torakotomi atau laparotomi untuk memperbaiki atau membetulkan aneurisme aorta, obstruksi pada aorta atau diseksi pada aorta. Untuk definisi ini, aorta dimaksudkan sebagai aorta torasik dan abdomen tetapi bukan cabang-cabangnya.

Kami tidak melindungi angioplasti dan semua teknik-teknik berdasarkan kateter, intra-arteri lain, lubang kunci atau prosedur laser.

6.2.35 **Lupus Sistemik Eritematosus (SLE) dengan Nefritis Lupus**

Merujuk kepada satu gangguan autoimun, berbilang sistem yang dicirikan oleh penghasilan auto-antibodi, yang menyerang pelbagai antigen diri.

Dalam konteks Sijil ini, SLE adalah dihadkan hanya kepada bentuk-bentuk SLE yang melibatkan buah pinggang (Jenis III ke Jenis V Nefritis Lupus, yang ditentukan secara biopsi renal).

Kami tidak melindungi bentuk-bentuk lain seperti lupus diskoid dan bentuk-bentuk yang hanya melibatkan hematologi dan sendi.

Klasifikasi Lupus Organisasi Kesihatan Dunia (WHO):

- | | |
|-----------|---------------------------------------|
| Kelas I | - Perubahan minimal glomerulonefritis |
| Kelas II | - Glomerulonefritis lupus mesangial |
| Kelas III | - Glomerulonefritis segmental tumpuan |
| Kelas IV | - Glomerulonefritis meresap |
| Kelas V | - Glomerulonefritis bermembran |

6.2.36 **Penyakit Terminal**

Peserta mesti menderita daripada satu keadaan, yang, pada pendapat seorang Pakar Perubatan dan disahkan oleh doktor yang dilantik oleh kami, mungkin membawa maut dalam tempoh dua belas (12) bulan. Peserta mestilah tidak lagi menerima rawatan yang aktif selain daripada untuk melegakan kesakitan.

6.3 **Manfaat Matang**

6.3.1 Tiada manfaat yang akan dibayar selepas Tarikh Matang Sijil ini.

7. PENGECUALIAN

7.1 Manfaat Penyakit Kritikal

- 7.1.1 Kami tidak akan membayar manfaat Penyakit Kritikal jika Peserta mempunyai simptom-simptom Penyakit Kritikal yang wujud sebelum atau dalam tempoh enam puluh (60) hari daripada Tarikh Kuatkuasa bagi:
- Kanser
 - penyakit koronari jantung yang memerlukan pembedahan
 - serangan sakit jantung
 - lain-lain penyakit arteri koronari yang serius dan kanser
- 7.1.2 Bagi semua penyakit-penyakit kritikal lain yang disenaraikan di dalam Definisi-definisi Penyakit Kritikal, tiada manfaat akan dibayar sekiranya Peserta mempunyai simptom- simptom Penyakit Kritikal yang wujud sebelum atau dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada Tarikh Kuatkuasa, yang mana terkemudian.
- 7.1.3 Tempoh menunggu di atas tidak digunapakai untuk sebarang Penyakit Kritikal yang disebabkan secara langsung dan semata-mata oleh Kemalangan.
- 7.1.4 Kami tidak akan membayar manfaat HUMK untuk mana-mana HUMK yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagian oleh perkara-perkara berikut:
- cubaan untuk membunuh diri atau mencederakan diri sendiri sama ada semasa waras atau tidak waras; atau
 - Penyakit yang disebabkan oleh AIDS, kompleksasi berkaitan AIDS atau jangkitan oleh HIV;
 - semasa berada di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau salah guna dadah selain daripada yang dipreskripsi oleh Pegawai Perubatan yang bertauliah; atau
 - Sinaran radiasi atau pencemaran radioaktif yang muncul daripada bahan api, sisa, proses atau bahan senjata sama ada secara sukarela atau tidak; atau
 - Keadaan Sedia Ada.

8. PEMBERITAHUAN DAN BATASAN TUNTUTAN

8.1 Penyakit Kritikal

- 8.1.1 Anda mesti menghantar pemberitahuan mengenai sebarang tuntutan Penyakit Kritikal di bawah Sijil ini ke ibu pejabat kami di Kuala Lumpur dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh Diagnosis. Jika anda gagal berbuat demikian, ia tidak akan menjejaskan tuntutan anda selagi anda boleh menunjukkan bahawa pemberitahuan tersebut tidak dapat diberi secara wajar dalam tempoh enam puluh (60) hari dan telah diberikan secepat mungkin.
- 8.1.2 Penerimaan sebarang tuntutan di bawah Sijil ini adalah tertakluk kepada bukti Diagnosis Penyakit Kritikal yang memuaskan dan bukti tersebut hendaklah diberikan kepada kami:
- Semasa Peserta masih hidup;
 - tidak melebihi seratus lapan puluh (180) hari dari tarikh Diagnosis; dan
 - di atas perbelanjaan anda sendiri.
- 8.1.3 Kami berhak untuk menolak sebarang tuntutan jika anda tidak mematuhi syarat-syarat di atas.
- 8.1.4 Kami juga berhak meminta Peserta untuk menjalani pemeriksaan perubatan yang dikendalikan oleh Pengamal Perubatan yang telah kami lantik, atas permintaan kami (jika perlu).

- HALAMAN TAMAT -